



**GEREJA KRISTUS LIKAS**

*Mengenal dan Memperkenalkan Kristus*

Bisycop: Archbisycop Datuk Melter Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



**Hubung**

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,  
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | [cclikas@gmail.com](mailto:cclikas@gmail.com)

**Epifani - 7 Januari 2024**

### Doa Hari Ini

Allah yang kekal, yang oleh sinaran bintang telah memimpin orang-orang menyembah Anak-Mu; pimpinlah, dengan terang-Nya, semua bangsa di bumi, sehingga seluruh dunia melihat kemuliaan-Mu, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

*Selamat Tahun Baru*



**kepada anda  
dan orang yang anda kasihi.**

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.  
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit  
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

## 1. PERMULAAN BARU

Selamat Tahun Baru kepada semua. Semoga kita rindu untuk 'melihat Yesus dengan lebih jelas, mengasihi Dia lebih lagi, dan mengikuti Dia dengan lebih dekat, hari demi hari', pada tahun 2024.

'Umat kepunyaan Allah sendiri' - 1 Petrus 2:9-10. Siri khutbah kita akan membawa kita kepada permulaan rancangan Tuhan yang menakjubkan untuk semua umat manusia. Dia menciptakan umat untuk diri-Nya. Dari Kejadian, sebuah buku asal mulanya, kita akan belajar rancangan Tuhan yang melibatkan orang yang berbeza pada masa yang berbeza dan dalam keadaan yang berbeza, untuk mencapai tujuan-Nya.

- hari ini, 7 Jan - Abraham: bapa
- 14 Jan - Ishak: pengecut
- 21 Jan - Yakub: penipu
- 28 Jan - Yusuf: pemimpi
- 4 Feb - Yusuf: banduan
- 11 Feb (CNY) - Yusuf: penyelamat

Carilah masa untuk membaca kitab Kejadian,

terutamanya di bab 12-50. Ia adalah suatu cerita yang berkelanjutan.

Atau dengarkan Alkitab Suara. Cuba, 'YouVersion', daripada Google Play Store atau App Store anda.

Semoga kita mendengar suara Tuhan di sepanjang tahun 2024.



## 2. BERTUMBUH DALAM PEMURIDAN DI CCL


- BAPTISAN
  - Kelas pembaptisan akan bermula pada bulan Mac. Sila daftar sekarang.
  - Bayi dan anak yang lahir dari ibu bapa Kristian boleh dibaptiskan atas permintaan ibu bapa. Ibu bapa akan diberi panduan tentang tanggungjawab mereka.
  - Golongan muda di bawah 18 tahun memerlukan kebenaran bertulis daripada ibu bapa mereka sebelum mereka boleh dipertimbangkan untuk dibaptis.
  - Orang dewasa perlu dibimbing sepenuhnya dalam iman Kristian sebelum mereka dipertimbangkan untuk dibaptis.
- PENETAPAN
  - Kelas Penetapan juga akan bermula pada bulan Mac.
  - Mereka yang berumur 13 tahun dan ke atas boleh memohon untuk ditetapkan.

- Mereka yang dari denominasi gereja lain, dan ingin menjadi 'ahli Anglikan' adalah perlu untuk ditetapkan. Walaupun mereka tidak perlu melalui keseluruhan kelas Penetapan, mereka akan diberi tunjuk ajar tentang keanggotaan gereja Anglikan.
- PERKAHWINAN
  - Mereka yang berhasrat untuk melangsungkan perkahwinan di gereja pada tahun ini, sila maklumkan kepada pejabat gereja secepat mungkin. Ini adalah untuk memastikan agar pasangan berkenaan akan menerima penjagaan pastoral yang diperlukan - kursus persediaan perkahwinan, susunan tarikh, dsb.
- PERJAMUAN KUDUS RUMAH
  - Setiap Khamis terakhir pada setiap bulan; 9:00 pagi hingga selesai pelayanan.
  - Sila hubungi pejabat gereja jika anda, atau orang yang anda kasihi, memerlukan pelayanan ini.
- LAWATAN PASTORAL
  - Pengaturan khas boleh dibuat untuk melawat orang sakit (di rumah atau di hospital), terbatas di rumah, orang yang sedang sakit tenat, dsb.
  - Pelayanan Khusus boleh dijalankan untuk meraikan kelahiran baru, rumah Baharu, atau perniagaan baharu.

[ ... akan bersambung di minggu hadapan ... ]

### 3. BUNGA GEREJA

- Persembahan bunga gereja untuk hari Ahad, 2024:
  - setiap persembahan pada nilai RM150/-, atau ke atas;
  - anda boleh memilih tarikh yang sesuai - hari lahir, ulang tahun, hari peringatan, dsb.
  - hubungi pejabat gereja, untuk maklumat lanjut.
- Gubahan bunga hari ini disumbangkan oleh Han Mee Nah.



**UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN**  
**RHB Bank | 2-10103-0001913-1**  
**Christ Church Likas**

**Boost:** <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



## UMAT KEPUNYAAN ALLAH SENDIRI

Abraham - bapa iman, bapa kegagalan

Pengenalan: mengapa mengkaji Kejadian?

- mengenal Alkitab
  - mengenal dunia
  - mengenal Allah & mengenal diri sendiri
1. Rancangan Tuhan - untuk membentuk umat bagi diri-Nya sendiri
    - Adam & Hawa - berkat shalom (damai sejahtera). Hari Rehat Sabat - Kej 2:1-4.
    - damai dengan Tuhan; damai antara satu sama lain, damai dengan diri sendiri.
    - shalom hancur berkecai - bersembunyi dari Tuhan, malu antara satu sama lain, kekeliruan dalam diri sendiri.
  2. Rancangan Tuhan yang Diperbaharui - untuk membentuk semula umat bagi diri-Nya sendiri
    - panggilan Abraham - Kej 12:1-3.
    - Abraham - seorang yang beriman. Dia taat kepada panggilan Tuhan - Kej 15.
    - Abraham - seorang yang gagal. Dia takut kepada manusia dan berbohong; gagal melindungi isterinya - Kej 12:10 dan seterusnya.

Kesimpulan - Rancangan Tuhan tidak akan gagal. Dia komited untuk mencipta dan mengasihi umat-Nya, "Oleh keturunanmulah semua bangsa di bumi akan mendapat berkat". Berkat itu datang melalui Yesus Kristus.

## UNTUK DIDOAKAN

### Negara kita yang tercinta

- bersyukur untuk Malaysia: keamanan, kemakmuran dan keharmonian  
[ berdoa untuk keberhasilan di tahun 2024 ]

### Gereja kita yang tercinta

- bersyukur atas persahabatan yang kita kongsi bersama  
[ berdoa agar kita bersemangat untuk berkongsi kasih Tuhan dengan orang lain ]

### Untuk Diri Sendiri

- bersyukur untuk tahun baharu  
[ berdoa agar iman kita semakin bertambah pada tahun mendatang ]  
- berdoa untuk mereka yang dalam kelemahan tubuh, minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.